

BAB V

BAB KELIMA

PENUTUP

Dalam bab ini penulis akan membuat beberapa kesimpulan terhadap penyelidikan ini dan seterusnya memberikan beberapa saranan kepada pihak-pihak bertanggungjawab agar ia mampu menjadi landasan ke arah memantapkan lagi penyusunan aktiviti khidmat masyarakat yang dilaksanakan oleh PMUM pada masa akan datang.

5.1 KESIMPULAN

Hasil analisa menunjukkan bahawa faktor-faktor pendorong penglibatan mahasiswa melibatkan diri dalam Program Perkampungan Kekeluargaan ialah berdasarkan minat atau kehendak sendiri, pengaruh rakan, kesedaran terhadap peranan mereka sebagai perantara dan saluran dalam menghubungkan masyarakat pihak bertanggungjawab. Keinginan untuk melihat sendiri secara realiti masalah kemiskinan masyarakat yang sentiasa dikaitkan dengan masyarakat luar bandar juga merupakan antara faktor yang mendorong mahasiswa untuk turut serta dalam aktiviti ini.

Manakala tahap kepuasan terhadap pengisian aktiviti-aktiviti dalam Program Perkampungan Kekeluargaan secara keseluruhan didapati memuaskan. Ini kerana kesemua pengisian aktiviti adalah menepati objektif program yang inginkan interaksi dua hala antara mahasiswa dan masyarakat terbabit. Tambahan pula aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan adalah sesuai untuk semua lapisan masyarakat tanpa mengira umur,

jantina, agama mahupun bangsa. Ini sesuai dengan hasrat Universiti Malaya sendiri yang ingin menerapkan semangat perpaduan kaum dalam melaksanakan sesuatu program.

Program Perkampungan Kekeluargaan telah memberi keberkesanan kepada mahasiswa yang melibatkan diri dalam kesemua aktiviti-aktiviti yang disediakan dalam program ini. Antaranya ialah sebagai persediaan untuk kehidupan bermasyarakat di samping melatih mahasiswa untuk berorganisasi dengan baik sebagai pemimpin pada masa akan datang. Melalui program ini juga mahasiswa dapat mendekati diri dengan masyarakat agar tiada jurang antara kedua-dua pihak. Namun apa yang lebih penting mahasiswa dapat menyelami dan melihat sendiri secara realiti masaiyah-masalah yang dihadapi masyarakat luar bandar yang sentiasa dikaitkan dengan persoalan kemunduran dalam arus mengejar pembangunan negara.

Program Perkampungan Kekeluargaan ini turut memberi keberkesanan kepada masyarakat kampung terbabit. Ini dapat dilihat dalam kesemua aktiviti yang berjaya dilaksanakan iaitu bengkel motivasi, Kelas Agama dan Fardu 'Ain (KAFA), pameran, forum perdana, ziarah dan ramah mesra, sukaneka, gotong-royong, kenduri sekampung dan malam seribu kenangan. Secara keseluruhan melalui pengisian aktiviti yang direncanakan ini memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat kampung kerana ia disusun sesuai untuk semua peringkat tanpa mengira umur, jantina, agama mahupun bangsa.

Dalam memastikan Program Perkampungan Kekeluargaan ini berjaya dilaksanakan, sebenarnya ia juga tidak dapat lari dari masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak penganjur iaitu PMUM sepanjang menjalankan aktiviti ini. Antaranya ialah

berkisar dengan pemilihan Ahli Jawatankuasa (AJK), sumber kewangan, jarak antara rumah keluarga angkat dengan tapak program dan pengangkutan yang disediakan oleh pihak penganjur sepanjang program ini diadakan. Walau bagaimanapun kesemua masalah ini sedikit pun tidak melemahkan hasrat PMUM untuk meneruskan program ini dilaksanakan. Sebaliknya ia dijadikan sebagai batu loncatan dan pemangkin untuk membuktikan mahasiswa boleh melakukan hasil kegigihan dan kesungguhan mereka untuk mencurahkan bakti kepada masyarakat. Bak kata pepatah di mana ada kemahuan disitulah ada jalan.

5.2 SARANAN

Berdasarkan penyelidikan dan kesimpulan yang dibuat, penulis akan mengemukakan beberapa saranan dan cadangan yang difikirkan perlu agar pendekatan baru dapat dirancang demi untuk memantapkan lagi aktiviti khidmat masyarakat pada masa akan datang sekali gus memastikan semua pihak yang terlibat mendapat manfaat yang besar melalui program seperti ini.

5.2.1 Saranan kepada PMUM

1. PMUM selaku penganjur program disarankan merangka pendekatan baru berbentuk memberi dan menerima yang dapat memberikan manfaat terhadap kedua-dua pihak iaitu mahasiswa dan masyarakat. Ini bermakna segala pengisian aktiviti-aktiviti tidak seharusnya melihat kepada satu dimensi sahaja iaitu hanya masyarakat yang perlu menerima apa yang dibawa oleh mahasiswa.

Dalam konteks ini mahasiswa seharusnya menggunakan kaedah dua hala dalam menyalurkan sesuatu kepada masyarakat. Atau dengan kata lain setiap pengisian aktiviti yang dilaksanakan sebaiknya bukan sekadar mengikuti program rutin seperti keluarga angkat semata-mata tetapi lebih kepada menyelami masalah, isu dan perbincangan serius yang berkaitan dengan kehidupan bermasyarakat. Ini akan menjadikan mahasiswa lebih realistik dan membangkitkan sensitiviti serta kesedaran mereka bahawa peranan yang bakal mereka mainkan kelak amat mencabar sekali. Sebagai contoh bermula dengan kemelut kemiskinan di luar bandar, terpinggir dengan arus pembangunan, kebobrokan akhlak remaja, implikasi kemasukan buruh asing, pencemaran alam sekitar, dan kesannya, penjagaan kesihatan dan amalan pemakanan seimbang, kesedaran kepentingan pendidikan hinggalah isu pergolakan yang berlaku di sekitar mereka, maka kesemuanya perlu dititikberatkan dalam penyusunan program yang dirancang. Ini bermakna satu reformasi secara menyeluruh perlu dilakukan dalam menyusun program bersama masyarakat.

2. Penulis cadangkan agar pihak penganjur tidak sasaran satu mukim yang melibatkan banyak kampung untuk mengadakan program seperti ini. Ini kerana jarak yang agak jauh antara satu kampung dengan satu kampung lain menyebabkan masyarakat dan mahasiswa terbabit sukar untuk bergerak aktif ke tapak program. Keadaan ini juga menimbulkan kesulitan kerana apabila melibatkan banyak kampung maka sudah pasti akan melibatkan saiz kelompok sasaran yang besar. Oleh itu penulis cadangkan memadai aktiviti kemasyarakatan ini hanya disasarkan kepada beberapa buah kampung yang berdekatan sahaja tanpa melibatkan satu mukim yang agak besar agar

perlaksanaan setiap aktiviti yang dirancang dapat ditumpukan sepenuhnya dan memberi keberkesanan yang lebih mendalam kepada mahasiswa dan masyarakat. Sekurang-kurangnya tidak timbul masalah dalam penyampaian perubahan maklumat dari semasa ke semasa antara pihak penganjur dan penduduk kampung.

3. PMUM seharusnya merangka pelbagai pengisian aktiviti-aktiviti yang lebih menarik. Contohnya dalam aktiviti Pameran, penulis cadangkan PMUM boleh bekerjasama dengan Persatuan Perubatan Universiti Malaya (PPUM) dan Persatuan Pergigian Universiti Malaya untuk mengadakan pameran dan khidmat pemeriksaan kesihatan dan penjagaan gigi secara percuma kepada masyarakat kampung. Ini kerana penulis berpendapat pendedahan perlu diberikan kepada masyarakat kampung mengenai penjagaan kesihatan, gigi dan amalan gaya hidup sihat. Apatah lagi para mahasiswa yang bakal bergelar doktor kelak sendiri yang turut sama-sama menjayakan aktiviti ini. Inilah yang dikatakan mahasiswa prihatin kerana turut sama memberi khidmat bakti kepada masyarakat luar bandar. Ataupun menjemput dan bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain seperti Kementerian Kesihatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat dan sebagainya untuk menjayakan aktiviti seperti ini.
4. Penulis mencadangkan agar PMUM mengadakan lawatan susulan ke tapak program tersebut agar masyarakat kampung merasakan hubungan antara mahasiswa dan masyarakat yang telah terjalin tidak terputus begitu sahaja setelah program selesai dilaksanakan. Dalam pada itu PMUM dapat melihat sendiri adakah pihak pentadbiran tempatan atau pihak yang bertanggungjawab

benar-benar mengambil tindakan dalam menangani masalah-masalah yang telah dikenalpasti dalam masyarakat kampung ketika program ini dilaksanakan dulu. Jika tiada tindakan yang dilakukan, maka disinilah PMUM perlu memainkan peranan untuk merangka tindakan susulan yang seterusnya agar kawasan ini benar-benar mendapat pembelaan dan hak yang sewajarnya. Di sinilah sebenarnya dapat dilihat atau diukur sejauhmana PMUM memainkan peranan dalam memastikan keberkesannya benar-benar dapat dinikmati oleh masyarakat kampung terbabit.

5. Penulis mencadangkan agar aktiviti khidmat masyarakat tidak tertumpu kepada masyarakat di luar bandar sahaja. Sebaliknya aktiviti kemasyarakatan ini turut disasarkan kepada golongan yang berada di pusat pemulihan akhlak, pusat pemulihan dadah, rumah orang tua, anak-anak yatim, penjara dan sebagainya. Ini kerana pada pandangan penulis golongan ini juga dahagakan pembelaan dan perhatian dari masyarakat luar. Sekurang-kurangnya mereka merasakan diri mereka masih dihargai sebagai anggota masyarakat dan bukanlah golongan yang dipinggirkan. Peranan mahasiswa dalam mendepani situasi ini harus dilihat sebagai satu peranan secara kolektif dan bersepadu. Dalam konteks ini mahasiswa wajar mengembleng tenaga dengan agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan. Apa yang lebih penting dengan melaksanakan aktiviti khidmat masyarakat di tempat-tempat seperti itu sedikit sebanyak sudah tentu dapat memberi harapan kepada mereka untuk meneruskan kehidupan kerana masih ada masyarakat yang prihatin terhadap mereka.

5.2.2 Saranan kepada Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP)

1. Penulis mencadangkan agar BHEP sendiri mengadakan satu sesi temuduga untuk melantik Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Pelaksana¹ bagi memilih mahasiswa yang benar-benar layak dan berpengalaman luas sahaja yang dipilih untuk mengendalikan aktiviti khidmat masyarakat ini. Sebaliknya tidak menyerahkan sepenuhnya kepada persatuan anak negeri tertentu berdasarkan negeri yang dipilih sebagai kawasan sasaran program untuk membuat pemilihan jawatankuasa ini. Maka dengan adanya pemilihan dari pihak HEP sendiri mudah-mudahan dapat menepis segala prejudis dan tanggapan pihak tertentu yang beranggapan mahasiswa ekstrim terhadap negeri tertentu atau pro kepada pihak tertentu dalam melaksanakan sesuatu aktiviti. Ini kerana Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Pelaksana merupakan tunggak dan tulang belakang bagi memastikan aktiviti khidmat masyarakat ini benar-benar berjaya dan mencapai objektif sepertimana yang dirancang. Tambahan pula apa yang dibawa oleh PMUM melambangkan jatidiri Universiti Malaya itu sendiri.
2. Pihak HEP disarankan menghantar wakil untuk memantau sepanjang program ini diadakan agar dapat memastikan ia dapat berjalan lancar dan sebagai perujuk atau penasihat jika berlaku sebarang kemungkinan yang memerlukan tindakan segera dari HEP. Sebaliknya tidak menyerahkan secara total kepada PMUM dalam mengendalikan aktiviti ini kerana pihak HEP boleh membuat sendiri komentar dan kritikan hasil pemerhatian sendiri adakah program ini benar-benar

¹ Jawatankuasa Induk terdiri daripada Ketua Pengarah Eksekutif, Timbalan Ketua Pengarah Eksekutif, Ketua Setiausaha Eksekutif dan Penolongnya, Ketua Bendahari Eksekutif dan Timbalannya dan Eksekutif Perhubungan Awam. Manakala Jawatankuasa Pelaksana pula terdiri daripada 5 Pengarah Eksekutif bersama Timbalan masing-masing yang mengetuai setiap pengisian aktiviti yang telah ditetapkan.

berjaya dilaksanakan atau sekadar memenuhi aktiviti tahunan sahaja. Ini bermakna wakil HEP bukanlah hanya hadir pada hari perasmian dan penutupan program sahaja sebaliknya sepanjang program ini dijalankan.

3. Penulis menyarankan supaya HEP merangka pra kursus atau induksi terhadap Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Pelaksana yang dilantik supaya misi dan visi yang dibawa mencapai keberkesanan dan mencapai objektif program. Tambahan pula dalam masa yang sama mereka perlu mantapkan fizikal dan mental sepanjang mengendalikan program ini kerana ia menuntut pengorbanan masa dan komitmen yang tinggi dalam memastikan ia berjaya dilaksanakan yang bermula dari peringkat gerak kerja awal hingga terlaksana di tapak program. Ini kerana di samping tugas sebagai seorang pelajar, mahasiswa turut menunaikan amanah dalam melaksanakan program ini yang menuntut pengorbanan mereka untuk memastikan ia dapat dilaksanakan sebaik mungkin sejajar dengan matlamat asal program.

5.2.3 Saranan kepada mahasiswa dan masyarakat

1. Masyarakat sewajarnya melihat dari sudut yang positif terhadap setiap pengisian aktiviti-aktiviti yang dirancang kerana walaupun ia berbentuk *stereotype*, tetapi melalui aktiviti-aktiviti sebegini dapat membentuk interaksi dua hala antara mahasiswa dan masyarakat. Malahan aktiviti khidmat masyarakat ini secara tidak langsung dapat menerapkan dalam diri antara masyarakat dan mahasiswa sendiri bahawa betapa pentingnya hubungan kekeluargaan dan perpaduan sejajar dengan hasrat kerajaan yang

berusaha untuk membentuk masyarakat yang penyayang dan prihatin. Apa yang lebih penting pendekatan memberi dan menerima (*give and take*) dalam lingkungan mahasiswa dan masyarakat dapat diterapkan. Hal ini bermakna bukan sahaja mahasiswa harus mempelajari dan memahami apa yang berlaku dalam masyarakat, malah dalam masa yang sama masyarakat juga perlu bersikap sedemikian agar tiada jurang antara kedua-dua pihak.

5.3 PENUTUP

Secara keseluruhan Program Perkampungan Kekeluargaan yang dianjurkan oleh PMUM ini merupakan suatu usaha murni kerana dapat membentuk semangat prihatin mahasiswa terhadap masyarakat terutamanya di luar bandar. Selain menjadi aset kepada negara, mahasiswa juga menyumbang idea ke arah kemajuan dan kemakmuran masyarakat. Ini kerana di samping tanggungjawab menuntut ilmu, mahasiswa juga perlu berperanan membantu kerajaan membangunkan negara. Ini bermakna mahasiswa bukan sahaja berjaya dalam akademik, malah memiliki bakat kepemimpinan membangunkan masyarakat. Oleh sebab itulah peranan mahasiswa sebagai penggerak masyarakat tetap penting walaupun kadang-kadang wujud tanggapan negatif dan prejudis oleh sesetengah pihak terhadap mereka.

Apa yang diharapkan agar usaha ini dapat memenuhi tuntutan masyarakat luar khususnya sebagai salah satu daripada khidmat bakti golongan mahasiswa dan kepada negara umumnya dalam merealisasikan prinsip mahasiswa alaf baru yang bersedia mendepani cabaran di samping bersama-sama membentuk generasi berilmu dan berbudaya. Oleh sebab itu tidak hairanlah mengapa aktiviti masyarakat seperti OPKIM

ini di adakan pada setiap tahun kerana melaluinya mahasiswa dapat memainkan peranan penting dalam pembangunan masyarakat. Apa yang lebih penting di sebalik pengisian aktiviti yang dirancang, sebenarnya tersirat aspirasi untuk kepentingan sejagat baik untuk mahasiswa mahupun masyarakat. Dari masyarakat kita datang, maka kepada masyarakat jua kita kembali.